

15/04/2003

10,000 belajar di KUTKM menjelang tahun 2010

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal, Alor Gajah, 25 Januari lalu.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd Salleh Sulong dan Rektor KUTKM, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani.

KUTKM yang ditubuhkan pada tahun 2000 kini beroperasi di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh, Melaka.

Bilangan pelajar kolej universiti itu pada masa ini ialah 1,400 orang dan pengambilan pelajar bagi sesi 2003/2004 Jun depan ialah seramai 1,500 orang.

Mengikut fasa pembangunan KUTKM dijangka mempunyai 4,000 pelajar pada 2004, diikuti 5,500 pada tahun 2005 dan 10,000 pelajar pada tahun 2010.

Pembinaan kampus tetap bernilai RM500 juta itu kini rancak dilaksanakan. Sebahagian pembinaan fasa pertama dijadualkan siap pertengahan tahun depan manakala fasa kedua disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9).